

TARIKH : 10/4/23
SURAT KHABAR : kosmo
MUKA SURAT : 5

Kementerian Sumber Manusia nafi beri sokongan SPDRM

PUTRAJAYA – Kementerian Sumber Manusia (KSM) menafikan ada memberi sokongan untuk Sistem Pengambilan Pekerja Asing dan Pengurusan Sumber Manusia (SPDRM).

Malah, menerusi kenyataan KSM di sini semalam, ia menegaskan bahawa tiada sebarang sesi perbincangan yang pernah dilaksanakan oleh kementerian

itu dengan mana-mana pihak.

"Justeru, laporan disiarkan media tertentu yang mendakwa konon KSM telah memberikan sokongan penuh kepada program SPDRM itu adalah tidak benar sama sekali," jelasnya.

Semalan, sebuah akhbar tempatan menyatakan bahawa majikan boleh mendapatkan warga asing bekerja dalam pelbagai sek-

tor dengan kos RM1,000 tanpa ada lagi risiko ditipu.

Ia susulan pelaksanaan SPDRM yang dibangunkan dengan urusan pengambilan pekerja luar boleh dibuat tanpa 'orang tengah', malah segala proses dilakukan secara atas talian.

Akhbar itu mendakwa kononnya Malaysia dan Indonesia telah berbincang mengenai program

baharu ini dengan majikan cuma kena membayar deposit RM1,000 bagi seorang pekerja.

SPDRM dikatakan dapat menangani isu jenayah pemerdagangan manusia selain berupaya mempercepatkan kemasukan pekerja asing ke negara ini tanpa melalui banyak ejen.

Mengulas lanjut, KSM berkata, pihaknya belum pernah lagi me-

muktamadkan peraturan untuk pengambilan buruh luar termasuk penetapan syarat di negara ini dan negara sumber.

"KSM berharap penjelasan ini akan menjawab sebarang persoalan atau kekeliruan dalam kalangan majikan, industri atau perwakilan diplomatik mengenai isu SPDRM," tambah kenyataan itu.

Kosmo. ISNIN 10/4/23 'Negara' ms. 5

+